

Perbaiki kedudukan dalam senarai 100 universiti terbaik di rantau ini

# UM, UPM antara terbaik Asia

**KUALA LUMPUR** – Dua buah universiti tempatan meraih kedudukan antara universiti terbaik di Asia menerusi penarafan QS Asia University Ranking 2016 yang dikeluarkan baru-baru ini.

Lebih membanggakan apabila kedua-dua universiti memperbaiki kedudukan masing-masing berbanding tahun lalu.

Universiti Malaya (UM) menduduki tempat ke-27 berbanding kedudukan ke-29 pada tahun lalu manakala Universiti Putra Malaysia (UPM) pula ke-49 (66).



AINI

Menduduki carta pertama ialah National University of Singapore.

Universiti penyelidikan lain dalam senarai 100 terbaik ialah USM pada kedudukan ke-51

(49), UKM 55 (56) dan UTM 63 (61).

QS Asia University Ranking ialah agensi beroperasi di United Kingdom yang membuat penarafan 350 universiti utama Asia.

Menurut kenyataan dalam laman Facebook

UM, kejayaan tersebut adalah hasil kerjasama semua pihak termasuk pengurusan, pengajar dan pelajar.

“Kita melonjak kedudukan QS Asia University Rankings 2016

memperbaiki daripada 29 ke 27,” ujar kenyataan itu.

Sementara itu, Naib Canselor UPM, Prof. Datin Paduka Dr. Aini Ideris berkata, pencapaian memberangsangkan UPM pada tahun ini melangkaui sasaran awal yang telah ditetapkan iaitu untuk mendapat 60 terbaik Asia.

“Dengan lonjakan 17 tangga berbanding tempat ke-66 pada tahun lepas, ia akan menguatkan lagi semangat warga kampus bagi meningkatkan kualiti pengajaran, pembelajaran dan penyelidikan UPM.

## INFO

Senarai universiti terbaik Asia

- 1) National University of Singapore
- 2) University of Hong Kong
- 3) Nanyang Technological University, Singapura
- 4) Hong Kong University of Science and Technology
- 5) Tsinghua University, China
- 27) Universiti Malaya
- 49) Universiti Putra Malaysia